

29/07/1997

Tindakan lindungi nilai ringgit

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap spekulator mata wang serta mempunyai cara tersendiri untuk melindungi pasaran nilai mata wang negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan spekulator mata wang sebagai `penyangak', Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan perlu mengambil langkah itu supaya orang luar seperti tokoh kewangan Amerika Syarikat, George Soros, tidak terlepas begitu saja selepas mempermain-mainkan ekonomi sesebuah negara.

"Kerajaan mempunyai beberapa idea mengenai apa yang patut dilaksanakan tetapi tentulah kami tidak boleh mengumumkannya, samalah seperti Soros tidak memberitahu apa yang akan beliau lakukan," katanya yang enggan menjelaskan bagaimana bentuk tindakan itu.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan program The Great Malaysian Air Rally dan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda dan Hompej Muzium TUDM di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi, di sini, hari ini.

Perdana Menteri menimbulkan isu itu dalam pertemuannya dengan menteri luar rakan dialog Asean di pejabatnya pagi ini. Mereka termasuk Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright; Menteri Luar China, Qian Qichen dan Menteri Luar Australia, Alexander Downer.

Menteri Luar dan wakil dari India, Jepun, Russia, Kanada, Kesatuan Eropah, Korea Selatan dan New Zealand juga hadir. Mereka di sini kerana menyertai Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri Luar Asean ke-30.

Menurut Dr Mahathir, perbincangannya dengan rakan dialog pagi ini lebih tertumpu kepada isu mata wang. "Saya memberikan pendapat saya mengenai perkara ini dan mereka memberi pandangan balas.

"Ada rakan dialog mencadangkan agar perkara itu dibangkitkan di Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver November ini, ada yang berkata ia perkara biasa, manakala lainnya mempunyai pelbagai pendapat bagaimana hendak menangani masalah itu," katanya.

Bagaimanapun ketika ditanya sama ada nama Soros dibangkitkan dalam pertemuan itu, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak menyebut namanya. Tetapi saya menganggap semua orang tahu siapa yang saya maksudkan."

Mengenai pandangan bahawa apa yang dilakukan oleh Soros itu bukan bersifat jenayah, sebaliknya hanya mengikut rentak ekonomi, Dr Mahathir berkata, segala-galanya bergantung kepada tanggapan seseorang.

"(Michael) Milken dan (Ivan) Boesky juga tidak dianggap sebagai penjenayah ketika mula-mula melakukan urusan junk bonds di Bursa Saham New York, tetapi mereka kemudiannya dipenjarakan.

"Jadi, segala-galanya bergantung kepada persepsi anda. Jika anda menganggap perbuatan itu sebagai jenayah, maka anda boleh bertindak ke atasnya. Jika tidak dan anda fikir ia normal, sudah tentu anda tidak boleh bertindak," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri secara terbuka mengaitkan Soros, pelarian Yahudi yang dilahirkan di Hungary dan kini warganegara Amerika Syarikat, dengan serangan ke atas ringgit Malaysia dan mata wang negara lain Asean.

Tujuan Soros berbuat demikian dikaitkan dengan sebahagian kempennya membantah kemasukan Myanmar ke dalam Asean.

Ditanya sama ada beliau akan membawa isu itu kepada Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dalam mesyuarat pemimpin Apec nanti, Dr Mahathir berkata, beliau belum putuskan perkara itu.

"Bila kita ke Vancouver nanti, baru kita lihat sama ada kita boleh

bercakap mengenai hal itu atau tidak," katanya.
(END)